



**PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN NEGERI PAHANG**

**IKLAN JAWATAN**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk mengisi jawatan kosong seperti berikut dan keutamaan adalah diberikan kepada Rakyat Negeri Pahang Darul Makmur.

1. (a) **JAWATAN** : **PEGAWAI TADBIR, GRED N41**  
(b) **KLASIFIKASI** : **PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN**  
(c) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL**
  
2. **JADUAL GAJI** : **Gaji Minimum – Gaji Maksimum (JGMM)**  

<b>Gred N41</b>	:	Gaji Minimum - RM2,080.00
		Gaji Maksimum - RM9,546.00
 <b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>	:	 <b>RM225.00</b>
  
3. **SYARAT LANTIKAN** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
  - (a) Warganegara Malaysia;  
(Keutamaan Rakyat Negeri Pahang)
  - (b) Berumur tidak kurang dari 25 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) Memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perakaunan;
    - (i) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.  

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00); atau
    - (ii) Ijazah Sarjana Muda kepujian yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41 : RM2,283.43); dan

- (d) Keupujian Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- (e) Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang perakaunan sekurang-kurangnya tiga (3) tahun; dan
- (f) Ahli berdaftar *Chartered Accountant (C.A)* atau *Registered Accountant (R.A)*

**4. IMBUHAN/ELAUN**

: Selain daripada gaji Bulanan, Imbuan Tetap Khidmat Awam/Imbuan Tetap Keraian dan Imbuan Tetap Perumahan akan dibayar kepada calon yang layak.

- i) Imbuan Tetap Khidmat Awam - RM300.00
- ii) Imbuan Tetap Perumahan - RM300.00

**5. TARAF JAWATAN**

: **TETAP**

**6. PENEMPATAN**

: **IBU PEJABAT**

**7. DESKRIPSI TUGAS**

: (a) Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi-fungsi perakaunan dan kewangan jabatan, meliputi penyediaan penyata kewangan jabatan mengawal dan menyelaraskan lejar am jabatan serta penyediaan perkiraan cukai pendapatan dan anggaran cukai pendapatan.

**8. SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

: Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir dan Setiausaha Pejabat adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di peringkat 1 (c) di atas; atau

(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan

(b) Had umur pelantikan:

(i) Berumur kurang dari 54 tahun bagi pegawai umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun;

(ii) Berumur kurang dari 56 tahun bagi pegawai umur persaraan paksa 58 tahun; dan

(iii) Berumur kurang dari 58 tahun bagi pegawai umur persaraan paksa 60 tahun.

**9. PEMAKLUMAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

: Pegawai – pegawai yang memasuki perkhidmatan Pegawai Tadbir adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

**10. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

: **23 OKTOBER 2024 (RABU)**

### **CARA MEMOHON**

- (i) Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian di laman sesawang Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang di pautan <http://jawatan.pkpp.gov.my>. mulai **23 September 2024** hingga **23 Oktober 2024**.

### **PERMOHONAN DITOLAK**

Permohonan akan ditolak sekiranya:

- (i) Tidak lengkap;
- (ii) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan; dan
- (iii) Permohonan diterima selepas tarikh tutup permohonan.

### **CATATAN AM**

- (i) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (ii) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
- (iii) Segala perbelanjaan untuk menghadiri temu duga tidak ditanggung oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Pahang.